# DIDIK ANAK MENYAMPAIKAN IDEA



Didik anak berkata-kata. Allah juga mengajarkan kita berbicara (Ar-rahman, 1-4). Berbicara memang boleh tetapi menyampaikan idea melalui pidato memerlukan 2 perkara utama iaitu

1. ISI / ILMU
2. Penyampaian

Penyampaian akan dapat secara spontan melalui tauladan. Proses yang panjang ialah mengisi ILMU kerana itu yang mahu diperkatakan. Tidak perlu bercakap dengan teks jika apa yang mahu dikatakan itu sudah tersemat dalam jiwa. Keluarkan sahaja. Ilmu terbesar melalui pengalaman kerana dari pengalaman itu kita mampu bercerita tanpa ada teks dan hafalan.

Ini Orked, dalam gambar semasa saya bawanya dalam sebahagian ceramah yang saya diundang. Orked memerhatikan saya berceramah di pentas. Secara tak langsung, itu satu pendedahan tentang tauladan untuk Orked contohi dan TAMBAHBAIK lagi apabila gilirannya sampai nanti.

AQIL BALIGH itu BERAKAL dan mampu balagho (BALIGH) ataupun dalam bahasa melayunya “Menyampaikan”. Proses pertama iaitu pengisian ilmu itu perlu dilakukan sementara tempoh aqil baligh kerana selepas baligh mereka sepatutnya sudah mampu berfurqan dan menyampaikan furqan mereka.

Saya tak beri Orked telefon pintar, tablet dan menonton TV juga secara terpantau. Mereka pada masa hadapan ialah apa yang mereka tonton, dengar, berkawan dan lihat pada hari ini. Maka, jagalah semua saluran input ini. Orked mungkin tidak pandai berpidato hari ini tetapi sampai masanya nanti, apabila dia dinaikkan ke atas pentas, tidaklah menangis ketakutan dan gugup. Kerana telah diberi pendedahan awal.

Saya lah yang kena kawal kegugupan bila berceramah supaya tidak mahu diambil contoh. Sekali sekala, Orked dan kawan-kawan sebayanya mengikuti pula bapa-bapa lain di Rumah Pengasih Warga Prihatinuntuk aktiviti lain seperti kemasyarakatan, ziarah dan kenduri pula.

Saya tak risau anak tak pandai membaca pada umur 6 tahun, tapi saya sangat risau jika anak tidak pandai bersalam dengan orang tua, tunduk hormat, datang bila dipanggil, mendengar kata dan hidup dalam aturan.

Mungkin ada yang tak sanggup kongkong anak. Kita juga kena ingat, kongkongan itu ialah penetapan HAD. Jika 1 kita panggilnya HAD, tetapi jika banyak kita panggilnya HUDUD. Memang manusia dicipta ada hudud / batasannya. Yang membezakan kita manusia dengan haiwan ialah batasan aturan itu.

Tidak terlambat untuk mulakannya sekarang. Jangan malu bawa anak pergi ke tempat kerja. Biar mereka tahu kita ibu bapa ini bukan senang-senang kerja cari rezeki. InsyaAllah anak juga mampu dengar kata.

**SAIFUL NANG**

p/s syukur Orked dapat tempat preschool terbaik di dunia iaitu di Rumah Pengasih Warga Prihatin. Mereka menjaga, menyayang dan mendidik Orked bukan kerana gaji tetapi kerana persahabatan